

25 NOV 1999

P/Raya-Kinabalu (Fokus Berita)

KINABALU - SATU PERMULAAN BARU BAGI MASYARAKAT KADAZANDUSUN

Oleh: Jackson Sawatan

RANAU, 25 Nov (Bernama) -- Gunung Kinabalu yang setinggi 4,095 meter menjadi kebanggaan rakyat negara ini khususnya penduduk daerah Kundasang kerana ia adalah puncak tertinggi di Asia Tenggara.

Ia juga menjadi tumpuan mereka yang gemar mendaki serta meminati alam semulajadi.

Kini tumpuan kepada Kundasang, yang menurut cerita rakyat Kadazandusun adalah tempat asal masyarakat itu, semakin meluas berikutan pilihan raya umum pada 29 Nov ini.

Pilihan raya di kawasan ini akan menyaksikan persaingan sengit antara Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang Parti Bersatu Sabah (PBS) bagi merebut kerusi Parlimen Kinabalu.

Pertandingan tiga penjurur itu ialah antara calon BN, Tan Sri Bernard Dompok, yang juga presiden Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) dan PBS, yang meletakkan ketua bahagiannya Janimin Saliun untuk mempertahankan kerusi itu serta calon bebas, Wasimin Rashim.

Pihak pembangkang akan menggunakan isu "peralihan" Dompok daripada kerusi tradisinya, Penampang, serta kedudukannya sebagai "orang luar" di kawasan itu.

Tetapi bagi UPKO dah sebahagian besar penduduk Kadazandusun, pencalonan Dompok bagi kerusi kawasan itu menggambarkan satu permulaan politik yang baru bagi masyarakat itu.

Seorang guru Kadazandusun menyifatkan pertandingan di Kinabalu sebagai "perjalanan kedua" bagi masyarakat itu untuk mendapatkan kedudukan yang kukuh dalam pembangunan arus perdana negara.

"Menurut cerita rakyat kami, perjalanan pertama kami bermula apabila datuk nenek kami diminta mengembara dari Gunung Kinabalu bagi mendapatkan kekayaan di pelbagai tempat di negeri ini. Tetapi, masyarakat Kadazandusun hari ini masih lagi belum menemui kedudukan kukuh di negara ini," katanya.

Walaupun banyak kejayaan telah dicapai oleh masyarakat itu, masih banyak "perjalanan" yang perlu dilakukan terutamanya dalam bidang politik, katanya.

"Dari segi politik, kami adalah pihak yang paling banyak tewas dalam pilihan raya negeri Mac lepas. Kami mengundi PBS dengan harapan ia dapat kembali berkuasa... tetapi, kami silap.

"Apa yang dikesalkan ialah dengan PBS gagal kembali berkuasa, kami juga hilang apa yang kami ada pada waktu itu -- wakil yang kuat di dalam kerajaan BN," katanya.

Kini, dengan Dompok bertanding di Kinabalu, masyarakat Kadazandusun berharap dapat memulakan langkah baru dari segi politik dengan matlamat menjadikan masyarakat itu antara mereka yang penting dalam pembangunan ekonomi negara.

Kinabalu mempunyai 26,081 pengundi, yang kebanyakannya Kadazandusun, merangkumi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Ranau dan Kundasang. BN memenangi kerusi Ranau manakala Kundasang dimiliki PBS dengan majoriti tipis pada pilihan raya Mac lepas.

Seorang pembantu Dompok berkata kempen di kawasan itu agak "panas" dengan parti pembangkang banyak melakukan serangan peribadi ke atas Dompok.

"Mereka tidak dapat bangkitkan isu-isu yang bagus sebagai menjawab saranan UPKO supaya masyarakat Kadazandusun bersatu padu dan berada di dalam arus perdana," kata pembantu itu.

Dompok, bagaimanapun, dapat mengawal perasaannya dan mengetahui bahawa

apa yang penting ialah keupayaannya untuk membawa perubahan dan pembangunan di kawasan itu, yang berpotensi besar sebagai destinasi pelancongan utama negeri ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa lawatan singkatnya ke sini semalam, berkata sudah tiba masanya bagi masyarakat Kadazandusun di Sabah memainkan peranan yang lebih besar dalam pentadbiran negara ini bersama-sama dengan kaum lain.

Dr Mahathir juga berkata PBS tidak lagi boleh diharapkan untuk mewakili mereka kerana parti pembangkang itu menggunakan sentimen perkauman selama ini demi kepentingan para pemimpin mereka.

"Saya menggesa masyarakat Kadazandusun spaya memberi sokongan dan mengundi para pemimpin mereka dalam BN pada pilihan raya umum Isnin depan bagi melindungi kepentingan mereka," katanya.

Dalam politik, masyarakat Kadazandusun tanpa mengira agama mereka, sering menjadi faktor penting di Sabah terutamanya dalam menyumbang kepada pembentukan sebuah kerajaan yang kuat.

Tetapi, masyarakat itu nampaknya tidak mempunyai peluang untuk bersuara terutamanya yang melibatkan hal ehwal ekonomi mereka.

Mungkin, mereka tidak pergi cukup jauh seperti mana yang diminta oleh datuk nenek mereka sebelum ini.

Mungkin juga, sudah tiba masanya bagi masyarakat Kadazandusun untuk memulakan satu perjalanan yang baru, bukannya fizikal, tetapi perjalanan sikap atau mental ke arah puncak pembangunan ekonomi negara.

-- BERNAMA

JS NAK